

8.5.2024

Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

“LAMPU HIJAU” PM UNTUK BEKALAN AIR PERAK: SATU DARIPADA BERITA AIR TERBAIK BAGI PULAU PINANG DALAM 51 TAHUN

- Pada Februari 2024, penggunaan air Pulau Pinang ialah 927 JLH. Permintaan air dijangka mencecah 1,532 JLH menjelang 2030 dan 1,844 JLH menjelang 2040.
- Pembelian air dari Perak dijangka lebih murah berbanding penyahgaraman berskala besar atau kitar semula air sisa di Pulau Pinang.

PULAU PINANG, Rabu, 8.5.2024: Pengumuman Perdana Menteri bahawa Perak akan membekalkan air terawat ke Pulau Pinang adalah salah satu “berita air terbaik untuk Pulau Pinang” dalam tempoh 5 dekad yang lalu.

Pada 5.5.2024, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa Sultan Perak dan Menteri Besar Perak telah bersetuju untuk membekalkan air ke Pulau Pinang, melalui Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian.

Pulau Pinang perlu segera meneroka sumber air utama yang kedua untuk memenuhi keperluan airnya dan memacu kemajuan sosioekonomi seterusnya menjelang 2030.

Projek bekalan air utama terakhir yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Pulau Pinang ialah Skim Air Sungai Muda. Ia dibuka oleh Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, pada tahun 1973.

Sepanjang 51 tahun yang lalu, Pulau Pinang telah menjadi sangat bergantung kepada Sungai Muda sebagai satu-satunya sumber air mentahnya.

Projek Air Perak-Pulau Pinang dijangka memberi manfaat kepada Pulau Pinang melalui cara berikut:

1. **Kecukupan bekalan air selepas 2030:** Pada Februari 2024, penggunaan air Pulau Pinang ialah 927 juta liter sehari (JLH). Permintaan air dijangka mencecah 1,532 JLH menjelang 2030 dan 1,844 JLH menjelang 2040. PBAPP sedang melaksanakan Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) untuk memastikan bekalan air mencukupi sehingga 2030. Melangkaui 2030, Pulau Pinang memerlukan Projek Air Perak/Pulau Pinang dan/atau penyahgaraman strategik dan projek kitar semula air sisa.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



2. **Peningkatan kapasiti bekalan air untuk menyokong kemajuan sosioekonomi seterusnya:** Pertumbuhan KDNK yang luar biasa Pulau Pinang sejak 1970-an membuktikan bahawa ia adalah sebuah negeri dengan potensi sosioekonomi yang tidak terhad. Walau bagaimanapun, disebabkan kawasan tanah yang terhad, sumber air Pulau Pinang adalah terhad. Sehubungan itu, untuk terus maju dalam tempoh 20 tahun akan datang, Pulau Pinang perlu memanfaatkan sumber air utama yang kedua seperti Projek Air Perak-Pulau Pinang.
3. **Bekalan terus kepada pengguna air di SPS:** Air dari Perak akan dipam ke kawasan selatan tanah besar. Justeru, Projek Air Perak-Pulau Pinang akan menambah baik dan menstabilkan bekalan air untuk kira-kira 79,956 pengguna di Seberang Perai Selatan (SPS). Pada tahun 2023, penggunaan air di SPS dianggarkan sebanyak 182 JLH. Permintaan air di daerah ini diunjurkan mencecah 285 JLH menjelang 2030.
4. **Lebih banyak air untuk pengguna air lain di SPU, SPT dan bahagian pulau:** Apabila Projek Air Perak-Pulau Pinang dilaksanakan, ia akan membekalkan air terus ke SPS. Berkemungkinan PBAPP tidak perlu mengepam air dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU) ke SPS. Sehubungan itu, jumlah air terawat yang lebih tinggi daripada LRA Sungai Dua kemudiannya boleh disalurkan semula kepada kira-kira 491,153 pengguna air di SPU, SPT, Daerah Barat Daya (DBD) dan Daerah Timur Laut (DTL) di Pulau Pinang. Justeru, pengguna air di daerah selain SPS turut akan menikmati faedah tidak langsung.
5. **Pengurangan risiko perubahan iklim:** Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perubahan iklim telah mengubah corak hujan di kawasan tadahan air (KTA) Pulau Pinang. Pada 6.5.2024, kapasiti efektif Empangan Air Itam ialah 37.3% manakala kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang ialah 54.7%. Dengan akses kepada air dari Perak di SPS, PBAPP boleh mengepam lebih banyak air dari LRA Sungai Dua ke bahagian pulau pada masa hadapan untuk mempertahankan rizab dua empangan yang mungkin hanya diisi semula oleh air hujan.
6. **Meminimumkan ancaman dan impak insiden Sungai Muda:** Pada 2022 dan 2023, terdapat 3 “Insiden Sungai Muda” (yang asalnya dari Kedah) yang menjejaskan bekalan air untuk 465,000 pengguna air di Pulau Pinang. Dengan bekalan air dari Perak, pengguna air di SPS seharusnya tidak lagi terancam dengan Insiden Sungai Muda. Pada masa yang sama, PBAPP akan dapat menaik taraf pelan respons kecemasan (ERP) Sungai Muda untuk meminimumkan impak di SPU, SPT dan DBD.

7. **Perbelanjaan yang lebih rendah dan kadar air yang lebih munasabah pada masa hadapan:** Membeli air sungai yang dirawat secara konvensional dari Sungai Perak akan membabitkan perbelanjaan yang lebih rendah daripada menjalankan projek untuk menyahgaram air laut dan/atau mengitar semula air sisa di Pulau Pinang.

Inilah rasional utama Projek Air Perak-Pulau Pinang.

Singapura telah menggunakan teknologi penyahgaraman dan kitar semula air untuk mencapai tahap keselamatan bekalan air yang tinggi. Walau bagaimanapun, purata kadar air domestik Singapura untuk 35m³ pertama sebulan ialah RM9.60 (SGD2.74) setiap m³, berbanding RM0.86 setiap m³ yang dicaj oleh PBAPP di Pulau Pinang.

Adalah lebih murah dan lebih rasional untuk Pulau Pinang membeli air dari Perak, supaya PBAPP boleh terus mengebil kadar air yang berpatutan pada masa hadapan.

Dengan 7 pertimbangan utama ini, PBAPP ingin merakamkan ucapan terima kasih yang seikhlasnya kepada Datuk Seri Anwar atas pengumuman penting beliau pada 5.5.2024.

Kami memerlukan kepimpinan baik beliau untuk memimpin kami ke arah merealisasikan Projek Air Perak-Pulau Pinang menjelang 2030.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my